

FEMININ SAKRAL SERI RAMA, LAKSAMANA DAN SITI DEWI DALAM WAYANG KULIT KELANTAN

SACRED FEMININE OF SERI RAMA, LAKSAMANA AND SITI DEWI IN WAYANG KULIT KELANTAN

Fara Dayana Mohd Jufry

Faculty of Music and Performing Arts, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,
(E-mail: faradayana@fmsp.upsi.edu.my)

Article history

Received date : 16-11-2021

Revised date : 17-11-2021

Accepted date : 20-12-2021

Published date : 23-12-2021

To cite this document:

Fara Dayana Mohd Jufry (2021). Feminin Sakral Seri Rama, Laksamana Dan Siti Dewi Dalam Wayang Kulit Kelantan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(13), 113 - 124.

Abstrak: *Wayang Kulit Kelantan (WKK) merupakan salah satu teater tradisional yang sering dipersembahkan di Kelantan suatu ketika dahulu. Kajian ini memilih repertoire yang digunakan dalam persembahan WKK, iaitu epik Ramayana untuk menggariskan elemen feminin sakral tiga watak, Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi. Antara ciri-ciri feminin yang dominan dalam ketiga-tiga watak WKK ialah penyayang, tidak menggunakan bahasa kasar, belas kasihan, bercakap lemah lembut, sensitif dengan keperluan orang dan memahami. Ciri-ciri feminin ini yang meletakkan watak-watak tersebut menghampiri sakral. Kajian ini penting untuk perkembangan ilmu dalam meneliti sifat dan latar belakang watak-watak halus WKK. Oleh yang demikian, kaedah etnografi diguna pakai untuk mencapai objektif menjustifikasi bahawa ciri-ciri feminin dalam Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi merupakan suatu simbol status feminin sakral. Kajian ini menggunakan komponen feminin sakral untuk menggariskan status Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi melalui ciri-ciri feminin watak. Oleh yang demikian, kajian ini telah dapat memperkembangkan ilmu dengan membuka pandangan positif para sarjana terhadap teater tradisional yang telah menggunakan konsep femininitas.*

Kata Kunci: *Feminin, Gambalan, Sakral, Wayang Kulit Kelantan*

Abstract: *Wayang Kulit Kelantan (WKK), a puppet-shadow play, is a form of a traditional theatre performance that performed in Kelantan in the olden days. This research chose a repertoire from the epic of Ramayana to outline the sacred feminine elements in the three characters, Seri Rama, Laksamana and Siti Dewi. Among the dominant feminine traits in WKK's fine characters are affectionate, does not use harsh language, compassionate, soft spoken, sensitive to the needs of others and understanding. These feminine traits refers the three characters close to the sacred. The research was important for the development of knowledge in examining the characteristics and background of WKK's fine characters. Therefore, ethnographic methods was use to achieve the objective to justify feminine characteristics of Seri Rama, Laksamana and Siti Dewi is a form of sacred feminine status. This study uses the sacred feminine component to outline the status of Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi through distinctive feminine identities. Due to this, this study has been able to develop*

knowledge by opening up scholar's positive views on the traditional theatre that used femininity concept.

Keywords: *Feminine, Gambalan, Sacred, Wayang Kulit Kelantan*

Pendahuluan

Wayang Kulit Kelantan (WKK) merupakan persembahan tradisional yang tergolong dalam seni Melayu yang lahir di negeri Kelantan. Seni Melayu terbahagi kepada dua jenis, iaitu seni rupa yang dilihat melalui sudut visual dan seni persembahan (Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon, 2008). Kedua-dua jenis seni Melayu ini terkandung dalam WKK, iaitu seni rupa diwakili oleh gambalan¹ yang merupakan objek yang dimainkan dalam WKK. Seni persembahan pula merujuk kepada permainan dalang dalam membuat persembahan dengan pergerakan gambalan pada kelir² diiringi oleh muzik. Kedua-dua jenis seni ini saling melengkapi untuk menghasilkan persembahan yang lancar dan dilengkapi dengan beberapa elemen penting persembahan WKK, antaranya gambalan, pendalangan dan pemuzik.

Metodologi

Penyelidikan merupakan satu proses pengumpulan data yang dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah, iaitu sama ada kualitatif atau kuantitatif. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan etnografi. Kaedah kualitatif adalah kajian yang dijalankan dengan memberi keterangan dan pemerhatian yang tidak melibatkan numerikal termasuk statistik. Kajian yang menggunakan kaedah ini kebanyakannya memberi keterangan, interpretasi atau pemaknaan dalam komunikasi. Pendekatan etnografi pula merujuk kepada pendekatan deskripsi tentang budaya spesifik yang dikaji secara mendalam (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Reka bentuk kajian etnografi merupakan kaedah interpretasi data sosio budaya yang mengkaji satu kelompok budaya atau masyarakat dalam situasi sebenar. Kaedah ini digunakan dalam satu tempoh masa yang panjang dengan tujuan untuk mengetahui kepercayaan, nilai dan perspektif masyarakat setempat (Othman Lebar, 2014). Fakta ini disokong oleh N. H. Sharlene and L. L. Patricia (2007) yang menyatakan bahawa etnografi merupakan salah satu bentuk penyelidikan yang mempersoalkan tentang amalan sosial dan budaya suatu kelompok masyarakat. Dalam konteks ini, penyelidikan berbentuk etnografi akan meneliti konteks sosial kehidupan dari perspektif pengalaman hidup dan aktiviti harian sampel kajian untuk memahami gaya hidup sampel tersebut.

Feminin

Feminin merupakan sifat kewanitaan yang wujud dalam diri manusia sama ada lelaki atau wanita. Kedua-dua ciptaan ini mempunyai ciri-ciri feminin dan peratusan ciri-ciri feminin yang tinggi seseorang individu berbanding ciri-ciri maskulin adalah bergantung pada pengaruh persekitaran dan masyarakat sekeliling. Konsep feminin sering dikelirukan dengan konsep *female*. Para feminis memberikan maksud sosialisasi kepada konsep 'feminisme' dan konsep *female* merujuk kepada jantina perempuan. Feminin merujuk kepada sesuatu yang dipelajari, justeru itu sosialisasi dari masyarakat dan kebudayaan (Mana Sikana, 2008). Penjelasan oleh Mana Sikana tersebut menunjukkan feminin merupakan suatu sifat yang perlu dipelajari oleh

¹ Gambalan merujuk kepada boneka dalam Wayang Kulit Kelantan (Fara Dayana Mohd Jufry, 2014)

² Kelir merupakan skrin putih diperbuat daripada kain yang direntangkan untuk menghasilkan bayang gambalan

masyarakat. Oleh itu, sifat ini tidak hanya terhad kepada individu yang dilahirkan sebagai wanita dan sifat feminin ini boleh dibentuk. Pembentukan sifat-sifat feminin ini bergantung pada aspek sosial seseorang individu.

Setiap kejadian menekankan keseimbangan dalam memastikan keharmonian. Hal ini turut dilihat dalam pembentukan personaliti seseorang di mana setiap individu mempunyai dua ciri-ciri utama dalam diri yang saling melengkapi, iaitu ciri-ciri feminin dan maskulin. Walau bagaimanapun, peratusan ciri feminin dan maskulin yang dimiliki oleh setiap individu adalah berbeza. Peratusan ini bergantung pada personaliti seseorang yang dibina sejak kecil berdasarkan latar belakang seseorang. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya meneliti ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak-watak halus Wayang Kulit Kelantan.

Feminin Sakral

Sacred Feminine atau feminin sakral diketengahkan oleh Barat dengan mengangkat *archetype* feminin terdiri daripada tiga, iaitu 1) gaya lemah lembut dan menghormati 2) kebaikan dan kebajikan serta 3) cahaya spiritual (Shami, 2009). Hal ini menunjukkan bahawa sifat-sifat feminin merupakan sifat positif yang menjurus ke arah ketuhanan melibatkan spirit dalaman seseorang individu. Penulisan ini turut membincangkan tentang sistem pemikiran lelaki dan wanita.

Terma feminin sakral digunakan dalam kajian ini berdasarkan pemaknaan feminin dan sakral, feminin sakral merupakan sifat-sifat kewanitaan yang menjurus dan membantu seseorang individu bagi mencapai tahap suci. Sifat-sifat kewanitaan atau feminin ini tidak hanya terhad kepada wanita malahan lelaki. Hal ini kerana, feminin sakral meletakkan konsep “ying dan yang” sebagai pegangan yang menegaskan bahawa setiap kejadian diwujudkan secara berpasangan. Dalam terminologi ajaran Tao ini, maskulin merupakan karakter “Yang” dan feminin pula “Ying” yang berada dalam pola seimbang untuk mencapai harmoni (Achdiar Redy Setiawan & Ari Kamayanti, 2012). Hal ini menunjukkan bahawa setiap wanita dilahirkan dengan ciri-ciri feminin dan maskulin, begitu juga lelaki yang turut dilahirkan mempunyai kedua-dua ciri tersebut.

Feminin sakral dilihat dalam Wayang Kulit Kelantan melalui sifat-sifat kewanitaan yang terdapat dalam watak-watak tertentu, iaitu Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi yang merujuk kepada golongan bangsawan. Ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak dan perwatakan WKK bagi golongan bangsawan dibentuk oleh hubungan ketuhanan, iaitu sakral. Penetapan ciri-ciri feminin sakral dibuat dengan menggunakan teori tertentu untuk membaca simbol, membawa maksud sesuatu yang dijadikan tanda untuk mengenal sesuatu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014). Hal ini bermakna bahawa semua perkara mampu dijadikan sebagai simbol dalam membuat penilaian mengikut perspektif yang dilihat. Oleh itu, simbol tidak hanya terhad kepada satu perspektif penilaian, malah meliputi keseluruhan visual dan verbal.

Ciri-ciri feminin sakral yang dikenal pasti meletakkan seseorang pada satu status. Status merupakan taraf atau kedudukan (Hajah Noresah bt. Baharom, 2005). Selain itu, Tak Wing Chan dan John H. Goldthorpe (2007) turut menyatakan bahawa status sebagai set hierarki yang menerima kelebihan sosial, kesamaan atau kekurangan yang menyeluruh yang tidak berkait dengan kualiti seseorang individu tetapi kepada posisi sosial dan martabat yang dipegang atau sesetengah sifat tertentu seperti kelahiran dan etnik. Hal ini menunjukkan bahawa status merupakan kedudukan seseorang di mata masyarakat sekeliling dan status ini turut wujud dalam persembahan WKK. Kehadiran status dalam WKK dibuktikan apabila Jamaludin Osman

(2002) menegaskan bahawa pergerakan patung WKK bergantung pada status watak tersebut. Maka, status kehidupan yang terdapat dalam penceritaan WKK terbahagi kepada dua, iaitu status golongan bangsawan dan rakyat jelata. Dalam WKK, status Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dilihat dalam masyarakat sebagai individu yang berada dalam kelompok bangsawan. Kedudukan dan taraf antara kedua-dua golongan mempunyai perbezaan yang ketara dalam watak dan perwatakan dalam WKK.

Feminin Sakral Seri Rama

Feminin sakral yang terbahagi kepada tiga komponen 1) gaya lemah lembut dan menghormati 2) kebaikan dan kebajikan serta 3) cahaya spiritual (Shami, 2009) merupakan satu garis panduan bagi mengangkat feminin sakral dalam watak Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dalam Wayang Kulit Kelantan. Komponen pertama dan kedua melihat kepada keperibadian dan perwatakan feminin individu manakala komponen ketiga melibatkan spiritual atau 'rasa'. Rasa yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah bukan terdiri daripada lima deria iaitu, melalui mata, hidung, lidah, telinga dan kulit. Namun, rasa yang dimaksudkan adalah melalui jiwa atau kadang kala dikenali sebagai deria keenam. Rasa ini tidak dapat untuk dituturkan dan digambarkan melainkan hanya berlaku kepada individu tertentu dan dipilih oleh pencipta.

Jadual 1: Komponen Feminin Sakral Berdasarkan Ciri-Ciri Feminin Seri Rama

Bil	Komponen Feminin Sakral	Ciri Feminin Seri Rama
1	Gaya lemah lembut dan menghormati	a) Feminin b) Lembut c) Bercakap lemah lembut d) Menunjukkan kelembutan, kebaikan dan kasih sayang
2	Kebaikan dan kebajikan	a) Belas kasihan b) Mudah ditipu c) Sensitif dengan keperluan orang d) Menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan e) Tidak memberi tekanan
3	Cahaya spiritual	a) Penyayang b) Ceria c) Seperti kanak-kanak d) Bersimpati e) Memahami

Sumber: Fara Dayana Mohd Jufry (2019)

Jadual 1 menunjukkan komponen feminin sakral Seri Rama secara keseluruhan. Ciri-ciri feminin Seri Rama merupakan elemen yang terdapat dalam komponen feminin sakral. Hal ini menunjukkan bahawa Seri Rama merupakan watak feminin sakral. Komponen pertama, iaitu gaya lemah lembut dan menghormati yang dimiliki Seri Rama membuatkan rakyat jelata menghormati dan menyayangi beliau. Hal ini ditunjukkan oleh Seri Rama melalui pertuturan dan laras bahasa yang digunakan oleh beliau ketika berbicara atau membuat perbincangan. Pertuturan dan laras bahasa yang lembut tidak hanya dilontarkan ketika berbicara bersama golongan bangsawan, malah ketika berbual bersama rakyat jelata beliau masih memelihara tutur kata beliau. Selain itu, sifat beliau yang feminin dan sentiasa melakukan kebaikan dan memberi kasih sayang tanpa mengira darjat turut menunjukkan bahawa Seri Rama merupakan seorang yang lemah lembut dan sentiasa menghormati orang tanpa membezakan golongan

individu. Disebabkan sifat inilah membuatkan semua rakyat serta golongan bangsawan turut sama menghormati beliau sebagai seorang pemimpin.

Komponen kedua feminin sakral, iaitu kebaikan dan kebajikan merupakan sebahagian daripada ciri-ciri feminin Seri Rama. Sifat positif dan sentiasa memberi yang terbaik untuk individu di sekelilingnya merupakan sifat Seri Rama bagi membuat kebaikan dan kebajikan. Hal ini meliputi kebajikan rakyatnya yang sering dijaga. Kebaikan dan kebajikan merupakan satu asas kepada kehidupan harmoni. Ciri sentiasa mempunyai belas kasihan terhadap hidupan membawa kepada ketenangan jiwa. Hal ini kerana jiwa yang belas lahir dari hati yang luhur dan murni. Perkara yang sama juga berlaku dalam setiap kebaikan dan kebajikan yang dihulurkan oleh Seri Rama. Ciri feminin mudah ditipu menunjukkan Seri Rama seorang yang jujur dan tidak mempunyai syak wasangka terhadap individu lain. Hal ini merupakan perkara positif yang ada dalam diri Seri Rama.

Sensitif dengan keperluan orang juga membawa kepada komponen kebaikan dan kebajikan. Hal ini kerana, apabila Seri Rama sentiasa sensitif dengan keperluan orang, ini akan menghasilkan satu pemerintahan yang baik dan berkualiti. Maka, ciri ini sangat penting untuk dimiliki oleh seorang raja. Selain itu, Seri Rama juga menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan terhadap keluarga, pembesar diraja dan rakyatnya. Walau bagaimanapun, semangat dan kasih sayang yang ditunjukkan oleh Seri Rama haruslah berbeza berdasarkan hubungan antara Seri Rama dengan individu tersebut. Contohnya adalah kasih sayang terhadap Siti Dewi sebagai seorang isteri haruslah berbeza dengan kasih sayang Seri Rama terhadap bapanya, Sirat Mahraja. Ciri terakhir dalam komponen kedua ini adalah tidak memberi tekanan. Sifat ini menunjukkan Seri Rama adalah seorang yang turut mengambil berat tentang orang sekeliling. Hal ini juga merupakan sifat positif yang perlu dimiliki oleh seorang raja. Kesemua ciri-ciri ini lahir dari hati yang luhur dan murni. Walau bagaimanapun, hati yang luhur dan murni perlu dibentuk dan ini melibatkan spiritual dan kepercayaan terhadap pencipta. Maka, hati yang luhur dan murni ini menerbitkan rasa dalam jiwa.

Cahaya spiritual merupakan komponen ketiga yang ditetapkan dalam feminin sakral. Ciri-ciri feminin seperti penyayang, ceria, seperti kanak-kanak, bersimpati dan memahami merupakan antara faktor yang menghubungkan rasa dalam jiwa manusia dengan pencipta. Rasa inilah yang dikenali sebagai cahaya spiritual yang hadir dalam diri individu terpilih. Hal ini kerana, seseorang individu memerlukan jiwa yang bersih untuk mencapai tahap rasa dalam komunikasi dengan pencipta. Seri Rama merupakan salah satu watak yang mampu mencapai rasa dan seterusnya mempunyai cahaya spiritual yang menghubungkannya dengan pencipta. Hal ini adalah berdasarkan tiga ciri-ciri feminin tersebut, iaitu penyayang, bersimpati dan memahami.

Penyayang adalah merupakan satu ciri-ciri feminin yang hadir melalui jiwa dan tidak dapat dihalang kewujudannya. Kasih sayang dapat disalurkan oleh individu kepada beberapa kategori seperti pasangan, ibu bapa, masyarakat dan pencipta. Kasih sayang disebarkan oleh Seri Rama kepada ibu bapa, golongan bangsawan, Siti Dewi dan rakyat jelata melalui jiwa yang bersih dan dapat dirasa oleh individu lain akan keikhlasannya. Hal ini dapat dilihat apabila Seri Rama tidak mengharapkan balasan ke atas setiap perkara yang dilakukan olehnya. Sebagai contoh, kekuatan kasih sayang Seri Rama terhadap Siti Dewi merupakan satu penyebab untuk Seri Rama menggadaikan nyawanya demi menyelamatkan Siti Dewi dari cengkaman Mahraja Wana. Kasih sayang kepada seorang isteri lahir dari jiwa Seri Rama dengan adanya rasa. Sebagaimana kasih sayang beliau kepada isteri, begitu juga dengan kasih sayang beliau kepada rakyat sebagai seorang raja yang berjiwa rakyat. Gelombang kasih sayang yang diberikan Seri

Rama kepada rakyat dapat dirasai oleh mereka dan ini merupakan faktor beliau dihormati oleh rakyat jelata. Sifat Seri Rama yang sentiasa ikhlas menyayangi melahirkan satu rasa dan akhirnya cahaya spiritual dapat dirasai antara Seri Rama dengan pencipta. Oleh yang demikian, sakral dapat dicapai dengan ciri feminin penyayang.

Selain penyayang, ceria merupakan salah satu daripada ciri feminin Seri Rama yang dapat dilihat melalui reka bentuknya dari sudut penggunaan warna yang pelbagai. Sebagaimana yang diketahui, terdapat tujuh chakra dalam badan manusia yang diwakili oleh warna aura bagi setiap chakra. Warna-warna tersebut adalah merah, jingga, kuning, hijau, biru, indigo dan violet. Setiap pemilihan warna membawa pengertian tertentu dalam menghubungkan manusia dengan alam metafizik. Seri Rama diwarnakan dengan warna hijau sebagai warna utama dan dihiasi dengan reka corak berwarna kuning, merah dan biru. Gandingan empat warna ini meliputi warna-warna panas dan sejuk bagi menggambarkan keceriaan Seri Rama. Gandingan warna-warna ini menghasilkan cahaya spiritual berdasarkan tenaga yang dihasilkan oleh warna-warna. Berdasarkan konsep kosmologi, semua kejadian mempunyai tenaga yang terhasil daripada gelombang termasuk warna. Oleh yang demikian, warna hijau yang merupakan warna utama Seri Rama di simbolkan kedudukannya pada jantung membawa pengertian tentang hubungan, kasih sayang dan penerimaan terhadap diri sendiri. Warna merah pula memberi simbol tenaga kehidupan fizikal, amanah, kemakmuran dan ketabahan Seri Rama. Warna kuning yang digunakan secara fizikal bagi menggambarkan keceriaan Seri Rama juga mempunyai pemaknaan spiritual, iaitu nilai harga diri. Warna terakhir yang digunakan pada gambalan Seri Rama ialah biru yang lebih kepada komunikasi dan ekspresi diri (Williams, 2008).

Berdasarkan warna-warna yang digunakan ke atas gambalan Seri Rama, warna-warna tersebut juga merupakan warna chakra yang ada dalam diri setiap individu. Warna chakra mempunyai tenaga tersendiri yang mampu mewujudkan cahaya spiritual bagi menghubungkan entiti fizik dengan metafizik. Oleh yang demikian, ciri ceria yang diwakili oleh warna-warna tersebut mempunyai hubungan dengan sakral.

Seterusnya, ciri feminin ketiga yang berada dalam komponen cahaya spiritual adalah seperti kanak-kanak. Seperti mana yang diketahui umum, kanak-kanak merupakan individu yang jujur. Kejujuran ini terpancar ekoran tiada kepentingan dalam setiap tindak tanduk mereka. Oleh yang demikian, ciri-ciri yang menyamai kanak-kanak merupakan satu sifat yang lahir dari jiwa yang bersih. Oleh itu, jiwa yang bersih lebih mudah untuk memancarkan cahaya spiritual dan seterusnya menghubungkan individu tersebut dengan pencipta melalui cahaya spiritual.

Sebagaimana penyayang, ceria dan seperti kanak-kanak, bersimpati dan memahami juga merupakan ciri-ciri feminin berasaskan jiwa yang luhur. Dengan adanya ciri bersimpati dalam jiwa Seri Rama akan mengangkat darjatnya pada pandangan pencipta. Simpati merupakan salah satu daripada ciri feminin yang hadir dalam diri Seri Rama secara natural berdasarkan latar belakang yang dilihat olehnya semenjak kecil. Simpati hanya akan hadir dalam diri individu yang mempunyai hati yang bersih. Oleh yang demikian, melalui hati yang bersih komunikasi antara Seri Rama dengan pencipta berlaku dan ini merupakan cahaya spiritual yang mewujudkan kesakralan berdasarkan ciri bersimpati. Seterusnya, kehidupan Seri Rama lebih harmoni dengan adanya ciri memahami. Memahami juga merupakan sifat terpuji dan mempengaruhi sifat positif yang lain seperti tolak ansur. Selain itu, sifat memahami ini juga merupakan salah satu kunci untuk menjaga sesuatu hubungan sama ada sesama manusia atau dengan pencipta. Hubungan antara Seri Rama dengan orang lain sama ada keluarga atau orang lain semakin terpelihara dengan adanya sifat memahami ini. Hubungan antara Seri Rama dan

pencipta turut dapat dipelihara kerana ciri feminin memahami tersebut menyebabkan Seri Rama menerima ketentuan yang telah ditetapkan kepadanya dengan positif. Oleh yang demikian, cahaya spiritual yang lahir dari jiwa yang memahami dapat membawa Seri Rama kepada sakral. Maka, ketiga-tiga ciri feminin, iaitu penyayang, bersimpati dan memahami dapat membawa Seri Rama mendekati pencipta dengan bersifat sakral.

Feminin Sakral Laksamana

Laksamana yang merupakan adik kepada Seri Rama merupakan watak kedua bangsawan dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan komponen-komponen feminin sakral yang diperoleh berdasarkan ciri-ciri feminin Laksamana. Seperti mana Seri Rama, komponen feminin sakral terbahagi kepada tiga, iaitu 1) gaya lemah lembut dan menghormati 2) kebaikan dan kebajikan dan 3) cahaya spiritual. Komponen pertama feminin sakral masih diwakili oleh ciri a) feminin dan b) lembut walaupun Laksamana sentiasa menginginkan Seri Rama lebih menonjol berbandingnya. Ciri-ciri feminin Laksamana yang berada dalam komponen kedua feminin sakral pula adalah a) belas kasihan b) menenangkan hati yang terluka c) sensitif dengan keperluan orang d) menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan dan e) tidak memberi tekanan. Manakala komponen ketiga feminin sakral, iaitu cahaya spiritual pula meliputi empat ciri-ciri feminin Laksamana, iaitu a) penyayang b) setia c) bersimpati dan d) memahami.

Jadual 2: Komponen Feminin Sakral Berdasarkan Ciri-Ciri Feminin Laksamana

Bil	Komponen Feminin Sakral	Ciri Feminin Laksamana
1	Gaya lemah lembut dan menghormati	a) Feminin b) Lembut
2	Kebaikan dan kebajikan	a) Belas kasihan b) Menenangkan hati yang terluka c) Sensitif dengan keperluan orang d) Menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan e) Tidak memberi tekanan
3	Cahaya spiritual	a) Penyayang b) Setia c) Bersimpati d) Memahami

Sumber: Fara Dayana Mohd Jufry (2019)

Jadual 2 menunjukkan komponen feminin sakral Laksamana. Komponen gaya lemah lembut dan menghormati dalam feminin sakral diwakili oleh dua ciri feminin Laksamana, iaitu feminin dan lembut. Kedua-dua ciri ini saling berkait antara satu sama lain di mana tindakan lembut yang dihasilkan adalah berdasarkan sifat feminin yang ada dalam diri Laksamana. Selain itu, lembut dan feminin merupakan kunci dalam menzahirkan sifat menghormati individu lain.

Komponen kedua feminin sakral yang meliputi kebaikan dan kebajikan diwakili oleh lima ciri-ciri feminin Laksamana, iaitu a) belas kasihan b) menenangkan hati yang terluka c) sensitif dengan keperluan orang d) menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan dan e) tidak memberi tekanan. Laksamana merupakan seorang adik yang mempunyai sifat belas kasihan yang tinggi terhadap abangnya, Seri Rama. Hal ini dapat dilihat bahawa Laksamana akan tetap membantu Seri Rama dalam menempuhi segala dugaan dan cabaran hidup. Belas yang ditunjukkan oleh Laksamana dalam mengharungi liku hidup menunjukkan bahawa Laksamana mempunyai jiwa yang bersih dan berfikiran positif. Dalam melalui arus kehidupan, Laksamana

banyak menenangkan hati insan yang terluka terutama abangnya kerana mereka sentiasa bersama. Selain itu, ciri sensitif dengan keperluan orang menunjukkan bahawa Laksamana sentiasa sedar perkara yang berlaku di sekelilingnya. Kedua-dua ciri, iaitu menenangkan hati yang terluka dan sensitif dengan keperluan orang lain menunjukkan bahawa Laksamana merupakan seorang individu yang menitikberatkan perasaan orang lain terutama individu yang dekat dengannya. Perkara ini menunjukkan bahawa Laksamana mempunyai jiwa yang bersih dan suci. Tambahan lagi, beliau sering menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan. Semangat dan kasih sayang Laksamana terhadap abangnya ditonjolkan setiap hari dengan sentiasa berhati-hati dan menjaga kebajikan Seri Rama. Ciri kelima Laksamana yang tidak memberi tekanan merupakan sifat terpuji di mana Laksamana mementingkan perasaan orang sekeliling bagi menjaga hubungan sesama insan.

Komponen ketiga feminin sakral adalah cahaya spiritual yang diwakili oleh empat ciri-ciri feminin Laksamana, iaitu a) penyayang b) setia c) bersimpati dan d) memahami. Penyayang merupakan salah satu kunci kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan. Kasih sayang juga dapat memancarkan cahaya spiritual sebagai contoh, Laksamana yang kasih terhadap abangnya sanggup untuk melakukan apa sahaja demi Seri Rama. Kesanggupan ini lahir dari jiwa yang ikhlas menyebabkan tenaga pancaran kasih sayang ini dapat dirasai oleh Seri Rama dari ciri feminin penyayang yang dimiliki oleh Laksamana. Oleh yang demikian, secara tidak langsung, rasa yang lahir itu menghasilkan cahaya spiritual dan dinilai oleh pencipta sebagai satu sifat positif.

Kesetiaan merupakan satu pengorbanan besar Laksamana terhadap Seri Rama. Kesetiaan ini hadir seiring dengan perasaan sayang yang mendalam terhadap abangnya. Laksamana berikrar dalam dirinya bahawa beliau tidak akan berkahwin kerana tidak ingin berpisah dengan abangnya. Oleh sebab itulah, Laksamana sentiasa bersama abangnya walau di mana Seri Rama berada. Kesetiaan Laksamana tiada tolak tandingnya dan dilakukan dengan penuh keikhlasan dari jiwa yang luhur. Selain itu, kesetiaan juga menyebabkan beliau sentiasa membantu abangnya sedaya upaya. Contohnya Laksamana berusaha untuk mencari air untuk Seri Rama dan Siti Dewi ketika berada dalam hutan belantara menuju ke Sertapura setelah menyertai pertandingan memanah pohon Tar. Ciri setia yang ada dalam dirinya menyebabkan beliau sanggup berkorban untuk kepentingan Seri Rama. Tahap kesetiaan yang tinggi ini lahir dengan rasa yang tidak dapat digambarkan dan hanya mampu dirasai oleh Seri Rama dan Laksamana. Maka, cahaya spiritual hadir dalam keikhlasan Laksamana berlaku setia terhadap abangnya dan ini merupakan satu sifat positif yang dipandang tinggi oleh pencipta.

Ciri ketiga dalam melahirkan cahaya spiritual adalah bersimpati. Disebabkan Laksamana merupakan seorang yang sentiasa sensitif dengan keperluan orang lain, maka bersimpati itu hadir seiring dengannya. Hal ini berlaku disebabkan beliau sentiasa memerhati dan tidak banyak bercakap. Oleh yang demikian, beliau sentiasa bersiap sedia dalam membantu individu yang memerlukan pertolongan. Ciri sensitif dengan keperluan orang lain yang memerlukan bantuan membawa kepada ciri bersimpati. Simpati Laksamana hadir dengan jiwa yang bersih dan diiringi dengan keikhlasan. Keikhlasan ini melahirkan cahaya spiritual kerana keikhlasan tersebut adalah dari hati yang mempunyai rasa. Ciri ini dilihat sebagai penghubung antara Laksamana dengan pencipta memandangkan bersimpati adalah salah satu ciri positif yang mempunyai rasa dari dalam jiwa.

Memahami juga merupakan salah satu daripada ciri yang memerlukan penghayatan jiwa Laksamana untuk dirasai oleh individu lain. Laksamana sentiasa memahami individu lain dan

bertindak mengikut kesesuaian dan keadaan. Sifat murni yang sentiasa memikirkan orang lain ini menyebabkan Laksamana disenangi oleh semua yang berada di sekelilingnya. Hal ini kerana, memahami dengan jiwa dapat dirasai oleh sekalian individu tanpa perlu dilafazkan oleh Laksamana. Oleh yang demikian, cahaya spiritual terpancar daripada sifat memahami tersebut dan mendekati sakral.

Feminin Sakral Siti Dewi

Selain Seri Rama dan Laksamana, komponen feminin sakral turut dilihat berdasarkan ciri-ciri feminin Siti Dewi. Jadual 3 menunjukkan komponen feminin sakral berdasarkan ciri-ciri feminin Siti Dewi. Feminin sakral terdiri daripada tiga komponen, iaitu 1) gaya lemah lembut dan menghormati 2) kebaikan dan kebajikan dan 3) cahaya spiritual. Komponen gaya lemah lembut dan menghormati diwakili oleh empat ciri-ciri feminin Siti Dewi, iaitu a) tidak menggunakan bahasa kasar b) feminin c) lembut d) pemalu dan e) bercakap lemah lembut. Lemah lembut adalah satu sifat feminin yang dianugerahkan oleh pencipta khas untuk wanita. Namun sifat ini turut dimiliki oleh lelaki berdasarkan latar belakangnya. Siti Dewi tidak menggunakan bahasa kasar dalam pertuturan sehariannya. Penggunaan laras bahasa yang digunakan olehnya adalah sama bagi setiap golongan tanpa mengira pangkat. Walau bagaimanapun, bahasa yang lebih halus jelas kelihatan ketika Siti Dewi berkomunikasi dengan suaminya, Seri Rama.

Jadual 3: Komponen Feminin Sakral Berdasarkan Ciri-Ciri Feminin Siti Dewi

Bil	Komponen Feminin Sakral	Ciri Feminin Siti Dewi
1	Gaya lemah lembut dan menghormati	a) Tidak menggunakan bahasa kasar b) Feminin c) Lembut d) Pemalu e) Bercakap lemah lembut
2	Kebaikan dan kebajikan	a) Mudah ditipu b) Sensitif dengan keperluan orang c) Menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan d) Tidak memberi tekanan
3	Cahaya spiritual	a) Penyayang b) Ceria c) Seperti kanak-kanak d) Setia e) Bersimpati f) Memahami

Sumber: Fara Dayana Mohd Jufry (2019)

Selain itu, sifat feminin Siti Dewi turut kelihatan dengan perwatakan dan pergerakan yang lembut serta percakapannya dengan intonasi yang lemah lembut. Gambalan Siti Dewi digerakkan oleh dalang dengan lembut dan perlahan dan ini menunjukkan bahawa Siti Dewi mempunyai gaya lemah lembut. Gaya lemah lembut ini secara tidak langsung melambangkan bahawa Seri Rama menghormati individu yang berkomunikasi dengannya. Berdasarkan adat Melayu, seseorang yang menghormati orang lain akan sentiasa lemah lembut dalam setiap perilakunya seperti mana Siti Dewi. Perilaku yang lemah lembut diiringi dengan percakapan lemah lembut melengkapkan peribadi Siti Dewi sebagai seorang wanita yang tinggi ciri-ciri femininnya.

Ciri pemalu merupakan ciri feminin yang menggambarkan keperibadian Siti Dewi sebagai wanita Melayu. Walaupun repertoir WKK berasal dari India, namun budaya Melayu telah diaplikasikan dalam menggambarkan perwatakan dalam WKK. Oleh yang demikian, dengan adanya ciri pemalu, darjat seseorang wanita Melayu akan dipandang tinggi oleh masyarakat. Selain itu, pemalu juga merupakan salah satu cara bagi mendidik seseorang untuk menghormati adat dan budaya yang diamalkan sejak turun temurun.

Kebaikan dan kebajikan merupakan komponen feminin sakral kedua yang dimiliki oleh Siti Dewi. Ciri feminin yang mewakili komponen kedua ini adalah a) mudah ditipu b) sensitif dengan keperluan orang c) menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan dan d) tidak memberi tekanan. Mudah ditipu merupakan satu ciri yang hadir apabila seseorang sentiasa memikirkan positif terhadap orang lain. Siti Dewi dikatakan mudah ditipu apabila beliau terjun ke dalam air yang dijumpai dalam hutan. Air yang merupakan helah Mahraja Wana itu telah menyebabkan beliau bertukar fizikal menjadi seekor kera. Walau bagaimanapun, beliau telah diselamatkan oleh Laksamana. Ekoran dari itu, Siti Dewi menjadi seorang yang lebih berhati-hati dalam pergerakan dan setiap tindak tanduknya. Hati yang naif ini menunjukkan bahawa Siti Dewi merupakan seorang yang baik budi pekertinya. Selain itu, seperti mana Seri Rama dan Laksamana, Siti Dewi juga sensitif dengan keperluan orang lain. Siti Dewi merupakan seorang wanita yang memerhati keadaan dan bertindak mengikut keadaan supaya memuaskan hati semua pihak. Oleh yang demikian, sifat ini mendorong kepada kebaikan bagi semua individu.

Menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan adalah ciri feminin yang dimiliki Siti Dewi dalam komponen kebaikan dan kebajikan. Semangat dan kasih sayang yang ditunjukkan Siti Dewi adalah tidak hanya terhadap kepada Seri Rama, malah kepada bapa angkatnya, Maharisi. Maharisi turut merasai semangat dan kasih sayang Siti Dewi sebelum beliau mengadakan pertandingan memanah pohon Tar untuk mencari calon suami kepada Siti Dewi. Siti Dewi yang dibesarkan oleh Maharisi ditanam dengan pelbagai sifat positif menjadikan Siti Dewi seorang anak yang baik budi pekertinya. Ciri feminin terakhir yang tergolong dalam komponen kebaikan dan kebajikan adalah tidak memberi tekanan. Siti Dewi banyak bertolak ansur terutama dalam hubungannya bersama Seri Rama. Hal ini menyebabkan Seri Rama tidak berasa tertekan malah menghargai kehadiran Siti Dewi. Oleh yang demikian, ciri-ciri feminin ini mendatangkan kebaikan kepada semua tanpa menolak untuk menjaga kebajikan diri dan orang lain.

Komponen feminin sakral terakhir adalah cahaya spiritual melibatkan rasa dalam jiwa Siti Dewi. Siti Dewi merupakan seorang yang sangat penyayang dan memahami. Perasaan sayang hadir dari dalam jiwa dan digambarkan melalui tindakan dan bahasa yang digunakan dalam komunikasi. Sifat penyayang ditonjolkan oleh Siti Dewi kepada Seri Rama ketika mereka dalam perjalanan pulang ke Sertapura setelah Seri Rama memenangi pertandingan memanah pohon tar. Pergerakan gambalan yang dilayarkan pada kelir secara beriringan dapat menunjukkan keakraban dan kasih sayang antara mereka. Kasih sayang Siti Dewi ini sentiasa mekar sepanjang perkahwinan mereka. Tanpa disedari, cahaya spiritual hadir dengan adanya rasa dalam jiwa mereka dengan ikhlas seterusnya ciri penyayang yang disertai dengan keikhlasan ini adalah satu ciri positif yang mendekati sakral. Hal ini kerana, keikhlasan menyayangi ciptaan tuhan adalah sama dengan menyayangi penciptanya.

Ceria adalah ciri seterusnya yang tergolong dalam komponen cahaya spiritual. Keceriaan Siti Dewi dilihat melalui reka bentuk gambalnya seperti mana Seri Rama. Gambalan Siti Dewi diukir dan diwarnakan dengan warna kuning sebagai warna utama bagi melambangkan kulit keemasan seperti mana yang terdapat dalam latar belakang watak tersebut. Warna panas ini turut dicampurkan dengan warna merah, jingga, biru, hijau dan hitam. Warna-warna ini mempunyai pemaknaan di sebalik penggunaannya. Berdasarkan konsep metafizik, pakaian yang digunakan seharian dapat melambangkan keadaan spiritual seseorang. Oleh yang demikian, penggunaan warna kuning, merah, jingga, biru dan hijau mempunyai perkaitan dengan warna chakra dalam diri Siti Dewi. Penggunaan warna-warna chakra ini menghasilkan rasa dalam diri Siti Dewi dan menghubungkannya mendekati pencipta melalui rasa dari dalam dirinya.

Seterusnya, seperti kanak-kanak merupakan ciri feminin yang turut tergolong dalam komponen cahaya spiritual. Seperti yang diketahui, cahaya spiritual adalah satu komponen yang melibatkan rasa, iaitu dengan mengutamakan jiwa berbanding akal fikiran. Oleh yang demikian, ciri seperti kanak-kanak tergolong sebagai salah satu daripada komponen cahaya spiritual adalah sangat tepat. Hal ini kerana, kanak-kanak sentiasa bertindak dan berkomunikasi dengan menggunakan hati dan bukan akal fikiran. Ketulusan yang dimiliki Siti Dewi inilah yang menyebabkan hubungan beliau dengan orang lain terpelihara. Selain itu, ciri seperti kanak-kanak yang inginkan perhatian juga lahir dari hati yang suci dan ini menimbulkan cahaya spiritual dan akhirnya menghubungkannya dengan pencipta.

Setia adalah salah satu daripada ciri feminin yang terpuji. Kesetiaan Siti Dewi ini adalah merujuk kepada kesetiannya kepada Seri Rama. Kesetiannya diuji ketika beliau berada di Langkapuri setelah beliau diculik oleh Mahraja Wana. Mahraja Wana yang tidak mengetahui bahawa Siti Dewi adalah anaknya, cuba untuk menambat hati Siti Dewi. Namun, kesetiaan Siti Dewi yang tinggi terhadap Seri Rama menyebabkan kesetiannya terpelihara dan maruahnyanya terjaga. Kesetiaan adalah satu perkara yang tinggi nilainya di mana ia hadir dalam jiwa seseorang yang ikhlas menyayangi. Tenaga kasih sayang yang kuat antara Siti Dewi dan Seri Rama menghalang Siti Dewi untuk berlaku curang. Maka, cahaya spiritual yang terhasil menggambarkan kesetiaan Siti Dewi dan ini merupakan satu sifat terpuji dan dipandang tinggi oleh pencipta.

Ciri bersimpati juga merupakan salah satu ciri feminin yang tergolong dalam komponen ketiga feminin sakral, iaitu cahaya spiritual. Rasa simpati yang hadir dalam diri seseorang adalah disebabkan hati yang mempunyai belas. Oleh yang demikian, simpati Siti Dewi hadir diiringi dengan jiwa yang bersih dan tidak mementingkan diri sendiri. Untuk itu, rasa hadir tanpa dipaksa dan begitu juga dengan cahaya spiritual yang turut mengiringi jiwa yang bersih dan dipenuhi rasa simpati. Rasa yang dimiliki Siti Dewi ini meletakkan Siti Dewi berada dekat dengan pencipta sebagaimana yang dikehendaki pencipta supaya seseorang itu mempunyai rasa simpati dalam diri mereka.

Memahami adalah ciri feminin seterusnya yang mewakili cahaya spiritual. Dengan adanya ciri memahami, kehidupan akan lebih teratur dengan pengisian tolok ansur sesama insan. Sifat memahami Siti Dewi dilihat apabila beliau sentiasa menghormati pendapat yang diutarakan oleh Seri Rama. Hal ini juga memperlihatkan bahawa Siti Dewi juga merupakan seorang isteri yang mentaati suami. Sifat ini hadir dengan ikhlas dari jiwa Siti Dewi dan cahaya spiritual terpancar dari kehadiran rasa tersebut. Oleh yang demikian, hubungan antara pencipta dan Siti Dewi hampir berdasarkan sifat memahami ini.

Rujukan

- Achdiar Redy Setiawan, & Ari Kamayanti. (2012). *Mendobrak Reproduksi Dominasi Maskulinitas Dalam Pendidikan Akuntansi: Internalisasi Pancasila Dalam Pembelajaran Accounting Fraud*. Paper presented at the Konferensi Nasional Pendidikan Akuntansi Indonesia.
- Fara Dayana Mohd Jufry. (2014). *Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan (WKMTK): Kajian Archetypal Reka Bentuk Gambalan*. (Master Of Arts), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Fara Dayana Mohd Jufry. (2019). *Feminin Sakral Dalam Watak Halus Wayang Kulit Kelantan*. (Doctor of Philosophy), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Hajah Noresah bt. Baharom. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. In Hajah Noresah bt. Baharom (Ed.), *Kamus Dewan* (Vol. 4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaludin Osman. (2002). Pendidikan Pendalangan Di Dalam Wayang Kulit Kelantan. *Wacana Seni, 1*.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial* Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from http://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf
- Mana Sikana. (2008). *Teori Sastera Kontemporari* (3 ed.). Singapore: Pustaka Karya.
- N. H. Sharlene, & L. L. Patricia. (2007). *Feminist Research Practise*. California: Sage Publications.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Puteh Noraihan A. Rahman, & Zahir Ahmad. (2017). Hubungan Symbolisme dan Spiritualisme Dewa-raja dalam Kesusasteraan Melayu Klasik. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities, 24*(2).
- Puteh Noraihan A. Rahman, & Zahir Ahmad. (2016). The divine Rights of Kings: A Comparative Study of Medieval European Kingship and Malay World "Devaraja". *The Social Sciences, 11*(10).
- Rahmah Bujang, & Nor Azlin Hamidon. (2008). *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shami, J. (2009). Refiguring the Sacred Feminine: The Poems of John Donne, Aemilia Lanyer, and John Milton. *Renaissance Quarterly, 62*(1).
- Tak Wing Chan, & John H. Goldthorpe. (2007). Class and status: the conceptual distinction and its empirical relevance. *American Sociological Review, 72*(4). doi:10.1177/000312240707200402